

PANDUAN CALON

KEMASUKAN KE TINGKATAN SATU SEKOLAH MENENGAH AGAMA NEGERI TERENGGANU SESI 2022

TARIKH – TARIKH PENTING :

BIL	PERKARA	TARIKH-TARIKH PENTING	TINDAKAN CALON
1	Hebahan / Iklan dan Promosi	Bermula 31 Oktober 2021 hingga tarikh tutup permohonan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Dapatkan informasi berkaitan kemasukan ke SMANT 2022 di : <ol style="list-style-type: none"> 1. Facebook Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu. 2. Laman Web Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu. 3. <i>Telegram Channel</i> : "Info Kemasukan Pelajar Tingkatan 1 SMANT Sesi 2022".
2	Permohonan Dibuka	11 November 2021	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Isi borang permohonan di <i>smaonline.terengganu.gov.my</i> ➤ Pastikan semua maklumat betul dan lengkap sebelum menghantar borang permohonan.
	Permohonan Ditutup	12 Disember 2021	
3	Semakan Panggilan Ujian Penentuan Tahap Sekolah Pilihan (PTSP)	28 Disember 2021	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Buka sistem <i>smaonline</i> dan semak status panggilan. ➤ Simpan / cetak Surat Panggilan Ujian.
4	Ujian Penentuan Tahap Sekolah Pilihan (PTSP) (<i>online</i>)	05 & 06 Januari 2022	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Menjawab soalan PTSP di <i>link</i> yang diberikan.
5	Semakan Keputusan Ujian Penentuan Tahap Sekolah Pilihan (PTSP) & Kemaskini Sekolah Pilihan	01 Februari 2022	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Buka sistem <i>smaonline</i>, semak keputusan dan kemaskini pilihan sekolah.
6	Ujian Umum, Kurikulum Agama dan Kemahiran Al-Quran (UKKQ)	12 & 19 Februari 2022	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Hadir secara bersemuka di pusat ujian ditetapkan.
7	Semakan Keputusan Tawaran Kemasukan	08 Mac 2022	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Buka sistem <i>smaonline</i> dan semak status tawaran.
8	Permohonan Rayuan	08 Mac 2022	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Calon yang gagal boleh membuat rayuan bermula tarikh keputusan tawaran dikeluarkan (3 Hari).
9	Keputusan Rayuan	15 Mac 2022	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Calon menyemak status rayuan sama ada diterima atau ditolak. Sekiranya rayuan diterima, sila lapor diri di sekolah yang ditawarkan pada tarikh yang ditetapkan.
10	Pendaftaran Pelajar dan Asrama	April 2022 (mengikut takwim persekolahan KPM)	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Pelajar baharu hadir ke sekolah yang ditawarkan untuk membuat pendaftaran.
11	Mula Persekolahan Sesi 2022		<ul style="list-style-type: none"> ➤ Pelajar baharu memulakan sesi persekolahan sesi 2022.

PANDUAN PROSES KEMASUKAN :

1. HEBAHAN DAN PROMOSI

Calon perlu mendapatkan maklumat yang berkaitan kemasukan tingkatan satu sesi 2022 di Facebook *Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu* atau di laman web *Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu* atau melalui *Telegram Channel "Info Kemasukan Pelajar Tingkatan 1 SMANT Sesi 2022"*.

2. PERMOHONAN

Permohonan akan dibuka selama satu bulan iaitu bermula **11 November 2021** hingga **12 Disember 2021**. Sila layari laman web smaonline.terengganu.gov.my/ untuk mengisi borang permohonan. Sila masukkan butiran-butiran yang dikehendaki dalam borang permohonan dengan lengkap seperti nama calon, dua belas (12) digit nombor mykid / mykad, alamat tempat tinggal, nombor telefon, e-mel dan lain-lain.

Selepas semua ruangan dalam borang diisi dengan lengkap, sila *klik* hantar borang permohonan. Selepas calon menghantar borang permohonan, sila *scan* QR Code atau masuk ke *link Telegram Channel "Info Kemasukan Pelajar Tingkatan 1 SMANT Sesi 2022"* untuk mendapatkan info-info semasa berkaitan kemasukan ke SMANT.

Kegagalan calon mengemukakan atau menghantar borang permohonan dengan lengkap dalam tarikh yang ditetapkan akan menyebabkan permohonan calon tidak akan diproses.

3. SEMAKAN PANGGILAN KE UJIAN PTSP & KEMASKINI PILIHAN SEKOLAH

Sila layari laman web smaonline.terengganu.gov.my/ untuk menyemak status panggilan ke Ujian PTSP. Calon perlu memasukkan dua belas (12) digit nombor mykid / mykad seterusnya simpan atau mencetak surat / slip panggilan ke Ujian PTSP. Sila semak nama, nombor mykid / mykad, sesi PTSP dan pastikan semua maklumat adalah betul. Sila masuk ke *link Telegram Group* calon yang dinyatakan dalam surat / slip panggilan ujian. Sila hadir / menjawab Ujian PTSP pada ketetapan yang telah dinyatakan dalam surat / slip panggilan.

4. UJIAN PENENTUAN SEKOLAH PILIHAN (PTSP)

Calon dikehendaki hadir / menjawab secara *online* Ujian PTSP berdasarkan *link*, masa dan tarikh dalam surat / slip panggilan. *Link* soalan akan diberikan dalam surat / slip panggilan dan *Telegram Group calon*. Calon perlu menjawab soalan pada waktu yang ditetapkan sahaja mengikut tarikh dan masa yang dinyatakan dalam surat / slip panggilan.

5. SEMAKAN KEPUTUSAN PTSP DAN KEMASKINI SEKOLAH PILIHAN

Layari smaonline.terengganu.gov.my/ dan masukkan dua belas (12) digit nombor mykid / mykad calon. Keputusan PTSP sama ada berjaya atau tidak berjaya. Jika berjaya, calon akan mendapat keputusan berjaya dengan tahap 1, 2 atau 3. Penyusunan tahap ini berdasarkan markah calon dalam ujian PTSP dan calon dikehendaki mengemaskini / memilih sekolah mengikut keputusan PTSP. Calon perlu hadir ke pusat ujian ditetapkan pada tarikh dan masa yang telah dimaklumkan dalam slip panggilan. Sila cetak keputusan PTSP dan slip panggilan ke pusat ujian. Kegagalan membawa slip panggilan ujian boleh menyebabkan calon tidak dibenarkan menduduki ujian di pusat ujian berkenaan.

6. UJIAN UMUM, KURIKULUM AGAMA DAN KEMAHIRAN AL-QURAN (UKKQ)

Calon dikehendaki hadir secara fizikal ke pusat ujian yang ditetapkan pada tarikh dan masa ditetapkan. Calon perlu menjawab dan menduduki semua ujian yang ditentukan. Calon tidak dibenarkan menukar pusat ujian atau menukar tarikh ujian. Kegagalan calon hadir ke pusat ujian pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan menyebabkan permohonan calon tidak dapat diproses.

7. SEMAKAN KEPUTUSAN TAWARAN KEMASUKAN

Layari smaonline.terengganu.gov.my/ dan masukkan dua belas (12) digit nombor mykid / mykad calon. Keputusan tawaran sama ada berjaya atau tidak berjaya. Jika berjaya, calon akan mendapat surat tawaran ke SMANT yang berkenaan. Sila masuk ke *link WhatsApp Group* Pelajar Baharu Sekolah yang ditawarkan yang diberikan dalam surat tawaran. Jika tidak berjaya calon boleh membuat rayuan bermula tarikh keputusan tawaran kemasukan dikeluarkan. Rayuan dibuka selama 3 hari bermula tarikh tawaran dikeluarkan.

8. PERMOHONAN RAYUAN

Calon boleh mengemukakan rayuan di *smaonline* dan perlu menghantar surat permohonan rayuan kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu (u.p.: Penolong Kanan Pengarah HEM Menengah). Sila lampirkan bersama surat permohonan rayuan dokumen berikut ; Salinan mykid / mykad calon dan mykad ibu bapa/penjaga serta *printscreen* status tidak berjaya daripada *smaonline*.

9. KEPUTUSAN RAYUAN


Calon boleh menyemak status permohonan rayuan di *smaonline* pada tarikh ditetapkan. Sebarang keputusan adalah muktamad. Pihak jabatan berhak menempatkan calon di mana-mana SMANT yang terpilih.

10. PENDAFTARAN / LAPOR DIRI

Pelajar baharu yang ditawarkan dikehendaki mendaftar di SMANT yang berkenaan pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Sila bawa semua dokumen dan kelengkapan yang diminta. Kegagalan calon mendaftar pada ketetapan mengikut surat tawaran dianggap calon tidak berminat dengan tawaran berkenaan dan akan digantikan dengan calon simpanan.

Permohonan Kemasukan ke Tingkatan Satu adalah melalui pautan di bawah :

smaonline.terengganu.gov.my



TELEGRAM CHANNEL :
INFO KEMASUKAN PELAJAR TINGKATAN 1 SMANT
SESI 2022



JABATAN PENDIDIKAN ISLAM NEGERI TERENGGANU
PUSAT PENTADBIRAN ISLAM NEGERI
TINGKAT 2, KOMPLEKS SERI IMAN
JALAN SULTAN MOHAMAD
20676 KUALA TERENGGANU
TERENGGANU

smaonline.terengganu.gov.my